

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MEI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malam Puisi Riong lambang suara rakyat	Berita Harian
2.	Biodiesel kurangkan pencemaran	Utusan Malaysia
3.	Freed JJPTR trio held again to aid Perak cops	New Straits Times
4.	Dodging the WannaCry bullet	The Edge
5.	Penjaminan untuk keselamatan internet menjadi isu hangat	Nanyang Siang Pau
6.	SME Corp. Mahu lahirkan usahawan kelas dunia	Utusan Malaysia
7.	Serdang beli minyak masak terpakai	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN (SASTERA BUDAYA) : MUKA SURAT 79 TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)



Persembahan kumpulan pelajar UPSI pada Majlis Malam Puisi Riong Karya Negeraku di Balai Berita NSTP.

Malam Puisi Riong lambang suara rakyat

➔ Pelbagai lapisan tokoh meriahkan acara tiup roh kebangsaan, patriotisme

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penampilan Sasterawan Negara (SN), pemimpin dan tokoh media, penyair, artis, wakil anggota keselamatan serta pelajar akan menyempurnakan Malam Puisi Riong: Karya Negeraku yang mengangkat Inisiatif Negeraku, sekali gus melambangkan suara rakyat kepada rakyat.

Malam Puisi Riong: Karya Negeraku Siri Ketiga sekali lagi akan menggegarkan Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, bermula jam 8 malam, Khamis ini.

Acara apresiasi puisi yang diadakan sejak April lalu itu bukan sahaja bertepatan dalam menitup

roh kebangsaan, patriotisme dan kecintaan kepada negara dalam suasana yang semakin mencabar, malah seiring dengan Inisiatif Negeraku dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Malam Puisi Riong: Karya Negeraku itu juga akan dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon yang bakal membacakan puisi.

Persembahan lagu puisi

Dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50) menyasarkan hasrat 'mewariskan' Malaysia yang terbaik kepada generasi muda dan baharu pada masa depan, Malam Puisi Riong akan membuka pentas pada malam itu dengan persembahan lagu puisi dan patriotik oleh kumpulan pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Zurinah Hassan akan tampil di pentas puisi selepas tokoh SN, Datuk Dr Anwar Ridhwan membuat penampilan pada malam puisi siri kedua sebelum ini.

Penampilan SN itu besar artinya kepada penganturan acara puisi yang merentas sempadan generasi dan bangsa kerana suara kesusasteraan yang murni akan



Persembahan Teater Onn Jaafar sebuah muzikal turut menyeronokkan Malam Puisi Riong Karya Negeraku, di Balai Berita NSTP.



NEGARAKU



dapat disampaikan kepada penonton, sekali gus menunjukkan sastera mempunyai ruang dalam usaha mengejar kemajuan yang holistik.

Penyair dan penulis, Amiruddin Md Ali Hanafiah yang juga Ketua Dua Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) juga akan membawa suara

sastera yang tidak lekang dengan semangat aktivisme yang dapat menunjukkan pengarang tidak boleh berpeleuk tubuh dalam mengisih makna pembangunan.

Menariknya, komposisi sastera dalam kemajuan sains dan teknologi akan terserlah dengan kehadiran Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Prof Madya Dr Ramzah Dambul di pentas puisi.

Tiup roh kemanusiaan

Ramzah atau juga dikenali sebagai Rem Dambul menjadi bukti kepada kemampuan sastera meniupkan roh kemanusiaan dalam kemajuan dan pembangunan supaya ia tidak bersifat materialistik.

Rem Dambul kelahiran Sabah bukan sahaja penyair dan kartunis genre 'doodle', bahkan beliau turut mencatat namanya dalam hadiah karya sastera paling berprestij tanah air, iaitu Pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2012 Kategori Kumpulan Puisi.

Lebih istimewa suara puisitubuk bukan sahaja bakal dilaungkan oleh khalayak sastera, sebaliknya wakil pasukan keselamatan turut

membuktikan sastera berupaya menjadi 'senjata' yang dapat mempertahankan negara.

Wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia akan tampil pada pentas Puisi Riong, sekali gus menjadi isyarat sastera juga mempunyai peranan yang paling minimum sebagai wadah untuk meniupkan kesedaran terhadap kepentingan keamanan dan keselamatan sama ada dalam mahupun luar negara.

Isi sambutan 60 Tahun BH

Selain mereka, Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), E Pian Pra Pol juga akan mendeklamasikan puisi pada pentas yang turut menampilkan Pengarang Bersekutu Berita dan Integrasi Media BH, M Thilinaadan.

Malam Puisi Riong juga akan dimeriahkan dengan bacaan puisi oleh Artis Baharu Lelaki Popular dan Penyanyi Lelaki Popular Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) 3.0, Khai Bahar dan lagu puisi oleh Sani Sudin.

Acara yang akan dikendalikan oleh personaliti TV3, Ahmad Fedtri Yahya itu, juga menjadi antara pengisian kepada Sambutan 60 Tahun BH.

Info

Inisiatif Negeraku

- Dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bertujuan menyemarakkan semangat cintakan negara dalam diri rakyat, ketepi perbezaan serta bersatu hati jayakan cita-cita membentuk Malaysia lebih makmur dan berjaya.

- Pertandingan Seni Negeraku pula dianjurkan antara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kementerian Pendidikan yang bakal membabitkan lebih lima juta pelajar dan 10,176 sekolah di seluruh negara dan karya pelajar terpilih akan dipamerkan di Balai Seni Negara.

- Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.negeraku.com

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA MEGA (SAINS) : MUKA SURAT 19 TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)



FAKTA PENTING

Teknologi pemrosesan bahan bakar

- Skim Pemrosesan Pantas (Satu jam).
- Mampu memproses stok pelbagai makanan.
- Produk sampingan antara hidrogen (sisa sifar).
- Penyulingan seterusnya boleh menghasilkan bahan bakar pesawat (biokerosene).

Unit Pemrosesan Bahan Bakar

- Proses berbentuk kontena.
- Mudah alih dan kompak.
- Boleh dialihkan dan mudah diselenggara.
- Kapasiti antara 250 hingga 1,000 liter sejam.

Biodiesel kurangkan pencemaran

BIODIESEL yang dihasilkan daripada minyak masak terpakai tersebut memenuhi spesifikasi piawaian antarabangsa bagi minyak biodiesel ASTM D6751. Justeru itu, biodiesel yang dihasilkan itu boleh dicampurkan dengan diesel konvensional untuk kegunaan enjin diesel tanpa perlu pengubahsuaian kepada sistem sedia ada.

Kajian mendapati, penggunaan biodiesel pada enjin diesel dapat mengurangkan pencemaran udara dan juga penjimatan minyak untuk jarak perjalanan yang sama dengan minyak diesel konvensional.

Pada mulanya, hanya lima peratus WCO biodiesel generasi pertama (FGB) digunakan untuk

penyelidikan tetapi disebabkan prestasi yang memberangsangkan peratusan campuran dinaikkan kepada campuran 20 peratus WCO biodiesel tetapi masih mampu mengekalkan kualitinya.

Kata beliau, penemuan penting daripada teknologi tersebut adalah reaktor berbantu gelombang mikro (*microwave assisted reactor*) meningkatkan tindak balas dan menyahkan gliserol.

Apa yang penting adalah kejayaan menghasilkan FGB pada 2004 dengan pembangunan pelan membuktikan teknologi tersebut mempunyai masa depan yang cerah.

Biodiesel secara kimianya adalah gabungan *mono-alkil ester*

asid lemak juga dikenali sebagai metil ester asid lemak (FAME).

Menurut Dr. P. Kumaran, dengan kerjasama industri, pihaknya telah menjalankan penggunaan FGB berkenaan di Depoh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kelana Jaya.

Proses ujian yang dijalankan selama tiga hari dengan pelbagai campuran biodiesel bersama diesel dalam penjana elektrik mudah alih 300 kW.

Beliau berkata, semasa pengujian tersebut, semua parameter penting pelepasan direkodkan untuk tujuan analisis dan hasilnya prestasi enjin ditingkatkan dengan

perbandingan biodiesel kepada diesel.

Berdasarkan kepada data yang diperolehi, pihaknya mendapati, kadar pelepasan berkurangan secara signifikan apabila peratusan biodiesel ditingkatkan berbanding kandungan diesel.

Dalam masa yang sama, asap hitam yang dihasilkan semasa pembakaran telah dikurangkan dengan penggunaan biodiesel dan yang lebih penting tiada sebarang kerosakan atau masalah teknikal berlaku semasa pengujian.

"Malah kebisingan enjin juga dikurangkan dengan penggunaan biodiesel," ujar beliau.



MODUL pemrosesan utama biodiesel di makmal Universiti Tenaga Nasional (Uniten).



DR. IR. KUMARAN PALANISAMY (kiri) dan Gopinathan Muthaiah menunjukkan bas Uniten yang menggunakan biodiesel WCO.



FAKTA RINGKAS

Kronologi Pembangunan Teknologi (2002 - sekarang)

2002 (Uniten)

- Inisiatif penyelidikan.

Program Kepada WCO Kepada Biodiesel yang mematuhi piawaian ASTM D6751.

2006 (Uniten)

- Unit Pemrosesan Pantas Biodiesel Berskala Kecil dibangunkan dengan dana pembiayaan MOSTI dan Uniten.

2008 (Uniten)

- Kajian Kesesuaian Teknikal Biodiesel Langkawi Minyak Sawit Terpakai.

2008

- Satu daripada objek utama objektif adalah mengkomersialkan produk yang dihasilkan dibangunkan di Uniten.

2010 (Uniten)

- Pembangunan Pemrosesan Berskala Loji Perintis dibayai dana MOSTI.

2011 (Uniten)

- Prospek pengkomersialan.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NATION) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)

MONEY GAME

Freed JJPTR trio held again to aid Perak cops

BUKIT MERTAJAM: After successfully arguing that their clients should not be remanded here, lawyers for the JJ Poor To Rich (JJPTR) founder and his two aides will be doing the same in Perak today.

Mohd Shukri Ahmad Mansor said he and his colleague, G. Jaya Prem, will appear in court in Perak with the same argument today should their clients be brought to any magistrate's court in the state.

They will use the same argument — that there was no need to issue remand orders against the three since they had been cooperating with police since the first day they were arrested last week.

It was an argument that Shukri and Jaya Prem used yesterday when the trio were brought before magistrate Dianne Ningrad Nor Azahar yesterday.

Dianne rejected Penang police's application for remand orders against the three after listening to the argument. The trio were then rearrested and handed over to Perak police.

"We will argue the same case in court in Perak as well, since our clients have been with police for the past six days assisting them with investigations. So we will again ask for our clients to be released on bail," Shukri told the *New Straits Times*.

Last month, JJPTR claimed to have lost US\$400 million (RM1.7 billion) to hackers.

Federal Commercial Crime Investigation Department (CCID) director Datuk Acryl Sani Abdullah Sani had said Bukit Aman's Anti-Money Laundering squad, CCID, Bank Negara, Companies Commission, Inland Revenue Board, National Revenue Recovery Enforcement Team and CyberSecurity Malaysia raided eight locations of the money game company's office in Penang on May 12.

The three were detained on Tuesday, then released and handed over to Penang police on Saturday after investigations by Klang Utara police.

Penang CCID chief Assistant Commissioner Abdul Ghani Ahmad said the three were rearrested yesterday and would aid investigations in Perak.

KERATAN AKHBAR
THE EDGE (CORPORATE) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)

Dodging the WannaCry bullet

By BEN SHANE LIM

“Hi Mom, I know it's Mother's Day, but you'll have to have dinner without me. I won't be able to get out of the office ... this ransomware attack is really bad.”

For many mothers with sons or daughters working as IT personnel, they would have likely received phone calls similar to this on Sunday, May 14, about 48 hours after the WannaCry ransomware attack was first reported.

By this time over 200,000 computers had been hit globally, mostly in the western hemisphere. Among the organisations hit were the UK's National Health System, a French Nissan-Renault car factory and Spain's Telefonica.

WannaCry took advantage of a Microsoft Windows exploit known as Eternal Blue, once a trade secret of the US National Security Agency. It was such a major exploit that Microsoft even invested resources to roll out patches for operating systems it no longer supported, like Windows XP.

The hackers' demands were simple: pay them US\$300 in bitcoin or lose all your data.

Fortunately for Malaysia's critical digital infrastructure, it appears that the defences held. To date, there

have only been sporadic reports of individual users being affected.

Despite the worst fears of IT personnel, for most companies, it was business as usual when Monday came around.


But that doesn't mean Malaysian companies should be complacent. The timing of the attack had a big role to play in the severity of the malware attack in the eastern hemisphere. Most employees had already left the office for the weekend, sharply reducing the risk of computers being infected.

“If WannaCry had hit in the middle of the work week, there is no doubt the damage would have been much worse. The weekend also gave IT personnel and security vendors time to react to the malware; for antivirus solutions to be rolled out and vulnerable computers to be patched,” explains Eric Yeow, vice-president of Firmus Sdn Bhd, a regional cybersecurity firm.

Also fortuitous was the accidental discovery of a “killswitch” by a cybersecurity expert over the weekend. This effectively put a halt to the initial wave of attacks.

While variants would soon emerge without the killswitch, a combination of public education and patching would reduce the virality of the so-called WannaCry2.0.

In short, a combination of prepa-



ration and luck shielded Malaysia from one of the deadliest cyberattacks of late.

Cases under-reported

Government agencies like Cyber Security Malaysia and its response arm, MyCERT (the Malaysian Computer Emergency Response Team),

have been proactive in public education in an attempt to discourage complacency.

However, there has been a stark lack of cases reported in Malaysia despite the damage WannaCry wrought globally.

In fact, the Malaysian Communications and Multimedia Commission

(MCMC) announced on May 14 that no cases had been reported as at 10am.

“It is unlikely that none of the major corporates were hit at all. In Malaysia, such attacks tend to be underreported,” says Yeow.

But while large corporates have been spared this time, he points out that small and medium enterprises are especially vulnerable due to a lack of resources.

Fortunately, such cyberattacks also tend to be less disruptive for SME operations. A manufacturer, for example, can still continue its operations even if the computers used for financial purposes are affected.

“This is why you tend not to hear reports,” explains Yeow.

That said, channel checks within the industry reveal that some of the earliest known victims of WannaCry appear to be a handful of hotel operators in Kuala Lumpur. Fortunately, operations have only been minimally disrupted thus far.

But even as this story is being written, reports have emerged of another type of malware that has been utilising the same exploit — Adylkuzz.

Unlike WannaCry however, Adylkuzz is not ransomware. Instead, it operates hidden in the background, using the infected machine's resources to mine for Monero, a type of cryptocurrency not unlike bitcoin.

CONTINUES ON PAGE 33

KERATAN AKHBAR
NANYANG SIANG PAU (COMMERCIAL NEWS) : MUKA SURAT A4
TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)

独家报道
姚思敏

在过去两周，“想哭”（WannaCry）勒索软件成为全球热门话题，而网络保险也成为全球的焦点。

网络安全专家认为，在美国以外的多数企业，大部分都没有购买网络保险，因此面对更大的风险。

目前，网络保险仍不普遍，除了欧美较为盛行之外，其他国家仍处于发展阶段，网络保险的市场意识仍偏低，这也意味着增长空间很大。

值得一提的是，大马丘博保险（Chubb）约在1个月前，在本地推出网络企业风险管理（ERM）解决方案，成为第一家提供网络保险的公司，可见网络保险很有发展潜能。

风险增 未普及

网络安全保险升温

过去两周，全球超过150个国家遭到史上最严重的勒索软件攻击，有不少企业、医院、教育机构等的电脑被入侵。

一旦遭到“想哭”勒索软件入侵，顾客就要求支付价值300美元（约1298亿令吉）的比特币，以获得密钥来打开被封锁的重要文件。

顾客也警告，若3天内不完成支付，赎金将会加倍，7日后未交赎金，更会永久删除档案。

在本地，大马政府机构如马来西亚网络安全机构（CyberSecurity Malaysia），还有网络安全及咨询测试服务专家LGMS金赫麟律师公司（LGMS），已接获大马有十人公司中招。

虽然病毒扩散速度已放缓，但有专家认为不能忽视这个网络风险。

LGMS创办人兼总执行长冯宗福在上周四（18日）向《南洋商报》说，预计接下来会有更多病毒攻击，这将提高网络保险的需求，也会提高大马企业的市场意识。

4月已发动攻击

他说，据悉有16家公司遭受勒索病毒攻击，这包括保险公司、金融机构、投资机构、制造商等，但还不包括没有投保的公司。因此，实际情况也许更糟。

他说，其实早在4月初，勒索病毒就已攻击大马，只是因为没有像5月以前的大规模攻击，才没有引起关注。

他说，在先进国家如新加坡，法令规定企业若中招必须投保；但大马却没有相关法令，所以投保的公司很少，也导致政府无法提供完整的数据。

冯宗福相信，接下来的情况会越来越严重，也显得网络保险更重要。

此外，国际评级机构惠誉（Fitch）也指出，勒索软件攻击多达150个国家后，反映企业的网络风险升高，网络保险的需求也随之增加。

“随着网络相关威胁，包括资料外泄及其他资讯系统入侵，都令企业将受冲击，因此，网络保险及解决方案包括保险的需求也增加。”

同时，惠誉指出，除了网络病毒及勒索软件攻击外，企业也面对其他的网络风险，例如系统被人入侵、资料被窃取及拒绝服务等攻击。

“这些问题可能会引发重大的经济损失，因为系统和财产遭到破坏，修复成本、生意及名誉皆受冲击，并导致资金损失。”

企业损失数百万美元

网络安全专家表示，许多美国以外的公司都缺乏网络保险，因此，“想哭”电脑病毒的袭击，可能导致数千间企业损失数百万美元。

“攻击企业包括俄罗斯都受到影响，而亚洲更显得脆弱。”路透社引述Max网络风险者说全球主管凯文斯在全球10份网络保险的保单，有接近9份来自美国。

在2016年，美国保险公司仅在网络保险方面承保约13亿美元。

冯宗福

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)

SME Corp. mahu lahirkan usahawan kelas dunia

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
 zuna@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 MEI

SME Corporation Malaysia (SME Corp.) berhasrat untuk mewujudkan usahawan kelas dunia yang berupaya mengharungi segala cabaran ekonomi global pada masa depan.

Malah, ia juga merupakan visi Pengerusinya, Tan Sri Ir. Dr. Mohamed Al-Amin Abdul Majid yang sudah 10 tahun memegang jawatan tersebut yang juga agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

"Bukan tidak ada usahawan yang boleh diangkat ke persada dunia ketika ini, tetapi masih banyak ruang yang perlu diperbaiki dan ini harus menjadi sasaran kami."

"Di sinilah terletak peranan dan komitmen SME Corp. untuk terus memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini supaya mereka mampu bersaing dan mencipta nama di peringkat global."

"Secara jujur sepanjang saya berada di sini (SME Corp.), saya menyaksikan banyak perkembangan yang positif dan berlaku mengikut pederatan zaman, maka tidak mustahil mereka mampu menjadi kebanggaan dunia suatu hari nanti," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Kerajaan meletakkan sasaran untuk mencapai 41 peratus sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020 dan buat masa ini, ia sudah mencapai 36 peratus.

Sebagai agensi penyelaras



pusat, SME Corp. bertanggungjawab menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bantuan kepada PKS, antaranya khidmat nasihat perniagaan melalui Pusat Rujukan Setempat, Program Business Accelerator 2.0 (BAP 2.0), Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) dan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE).

Selain itu, perkhidmatan lain yang turut disediakan termasuklah membangunkan pensijilan National Mark of Malaysian Brand (Malaysian Brand) dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB).

Dengan mengambil contoh terhadap inisiatif Malaysian Brand,

Bukan tidak ada usahawan yang boleh diangkat ke persada dunia ketika ini, tetapi masih banyak ruang yang perlu diperbaiki dan ini harus menjadi sasaran kami."

**MOHAMED AL-AMIN
 ABDUL MAJID**
 Pengerusi SME Corp.

Mohamed Al-Amin berkata, SME Corp. mahu mengubah persepsi masyarakat yang melihat produk tempatan mempunyai kualiti dan piawaian pembungkusan yang rendah berbanding jenama besar atau luar negara sekali gus membantu usahawan tempatan menembusi pasaran lebih luas di peringkat global.

Katanya, buat masa ini, Malaysian Brand telah mendaftarkan cap dagangan di Malaysia, Jepun, Korea, Belanda, Thailand, Australia dan Amerika Syarikat (AS).

"Di bawah pensijilan ini, PKS yang layak akan memanfaatkan insentif kewangan di bawah Laluan Hijau Program Business Accelerator, dengan PKS yang layak akan menerima bantuan sehingga RM900,000 tertakluk kepada terma dan syarat serta akses untuk menyertai aktiviti perdagangan tempatan dan antarabangsa," katanya.

Di samping itu, menurutnya, SME Corp. akan terus membantu

lebih ramai PKS menyenaraikan syarikat mereka di papan utama Bursa Malaysia yang mana setakat ini, hanya tiga syarikat berjaya disenaraikan melabarkan jumlah pasaran sebanyak RM656.82 juta.

"Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat PKS disenaraikan, Bursa Malaysia tidak lama lagi akan memperkenalkan inisiatif baharu dan buat masa ini, ia masih dalam proses akhir melibatkan kerjasama antara SME Corp., Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia."

"Dengan bantuan dan inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan melalui SME Corp. dan agensi-agensi lain, kami ingin melihat PKS di Malaysia bukan sahaja menjadi juara kampung malah mampu mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran yang lebih luas dan turut tersenarai di Bursa Malaysia," katanya.

Ikuti wawancara beliau di muka surat 17

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN SME CORP

PROGRAM BUSINESS ACCELERATOR 2.0 (BAP 2.0)

- 1,841 permohonan diluluskan
- Nilai geran berjumlah RM95.49 juta

PROGRAM PENINGKATAN ENTERPRIS BUMIPUTERA (BEEP)

- 1,415 permohonan diluluskan
- Nilai geran berjumlah RM138.51 juta

PROGRAM TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE)

- Dilaksanakan pada 2014, serai 1,436 belia dan 1,424 daripadanya mendaftarkan perniagaan

dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

- Nilai jualan sebanyak RM36.2 juta
- Mewujudkan 2,768 peluang pekerjaan

PENSIJILAN NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

- 130 syarikat menerima pengiktirafan

PROGRAM GALAKAN EKSPORT BUMIPUTERA (GEB)

- 7 permohonan diluluskan dengan pinjaman mudah berjumlah RM5.4 juta
- Mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11



KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA MEGA (SAINS) : MUKA SURAT 20 TARIKH : 22 MEI 2017 (ISNIN)



ZURAITI ZAKARIA (kiri) menuang minyak ke dalam tangki bas sambil disaksikan oleh Dr. Ir. Renukanth Varatharajoo (dua dari kiri) dan Mohd. Ali Hassan (kanan) semasa kempen pengumpulan minyak masak terpakai diproses kepada biodiesel di Biorefinery UPM, Serdang, baru-baru ini.



DR. IR. RENUKANTH VARATHARAJOO (kanan) Zuraiati Zakaria membuat gimik pelancaran pada majlis perasmian kempen pengumpulan minyak masak terpakai diproses kepada biodiesel di Serdang baru-baru ini.

Serdang beli minyak masak terpakai

TIAP kali selepas aktiviti masak-memasak terutama menggoreng, bagaimana anda uruskan sisa minyak masak tersebut? Hendak diguna berkali-kali bimbang akan memudaratkan kesihatan, sudahnya terus dibuang begitu saja. Jika dihitung, agaknya sudah berapa banyak jumlah sisa minyak masak yang anda telah buang? Berliter-liter, bergeleng-geleng? Sayang bukan?

Berita baik! Jangan buang minyak masak yang terpakai, jom kita kitar semula! Bagi setiap satu kilogram (kg) minyak masak terpakai, orang ramai boleh memperoleh RM1 dengan membawanya ke pusat pengumpulan minyak masak terpakai di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Ketua Unit Jalanan Industri dan Masyarakat Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Prof. Dr. Mohd. Ali Hassan berkata, kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai itu diusahakan oleh UPM dengan kerjasama CIMB Foundation, di samping menawarkan harga tukaran RM1 untuk satu kg minyak masak terpakai.

"Saya menyeru orang ramai supaya mengumpul minyak masak terpakai dan hantar ke tiga



UPM berjaya menubuhkan pusat pengumpulan WCO untuk penghasilan biodiesel di Serdang.



DR. MOHD. ALI HASSAN

pusat pengumpulan kami di UPM iaitu Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC)," ujarnya. Kempen tersebut dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Ing. Ir. Renukanth Varatharajoo dan turut dihadiri Pengurus Cawangan CIMB Bank UPM, Zuraiati Zakaria.

Minyak masak terpakai yang ditukar menjadi biodiesel kemudian boleh digunakan sebagai bahan bakar untuk kenderaan berat di sekitar

UPM seperti jentera, bas dan sebagainya. Walau bagaimanapun jumlah penggunaan biodiesel untuk setiap kenderaan dihadkan sebanyak 10 peratus saja sebagai bahan penambah tanpa mengubah spesifikasi enjin.

"Dengan beberapa campuran kimia seperti metanol, etanol dan alkil serta bahan-bahan penambah seperti pemangkin, sisa minyak tersebut melalui proses yang dikenali sebagai transesterifikasi lalu terhasil biodiesel. Proses ini mengambil masa enam jam untuk menghasilkan sebanyak 100 liter biodiesel dalam tempoh seminggu sekali," jelasnya.

Katanya, kekangan ketika ini

untuk mendapatkan bekalan WCO berikutan orang ramai masih tidak menyedari komoditi itu boleh digunakan dan bukan dibuang begitu saja.

Jika sebelum ini penyelidik dari UPM menggunakan sumber kompos untuk ditukarkan kepada individu yang datang menyerahkan sisa minyak terpakai, kali ini pihak CIMB Foundation berbesar hati untuk menyumbangkan sebanyak RM45,000 sebagai projek permulaan sebagai galakan dan usaha melestarikan alam sekitar dengan lebih mampan.

"Saya mendapat ilham selepas membuat kajian dan mendapati rupa-rupanya di sebuah kawasan pekan yang terletak di Izuoka, Jepun penduduk sekitar menyerahkan WCO kepada pusat pengumpulan di sana sebelum diproses golongan kurang upaya. Secara tidak langsung dapat membantu mendapatkan hasil sumber bahan bakar yang lebih bersih kenderaan di sana," ujarnya lanjut.

Usaha yang dilakukan oleh UPM dilihat bukan saja membantu meningkatkan kualiti alam sekitar, sebaliknya dapat membantu masyarakat setempat

melakukan perkara dengan betul, iaitu menjual sisa terpakai ke saluran dengan betul.

"Di luar sana ada saja pihak yang cuba mengambil kesempatan dengan membeli minyak masak terpakai harga yang sama daripada orang ramai. Namun tidak dinafikan tindakan mereka merugikan.

"Mereka tapis, kemudian membungkus semula dan menjual semula sisa minyak terpakai di pasaran dengan harga jauh lebih murah atas inisiatif

wang sama UPM tampil dengan kempen sebegini," jelas Mohd. Ali lagi.

Proses penapisan yang dilakukan oleh UPM disahkan selamat oleh SIRIM Berhad.

Mohd Ali turut menyasarkan untuk mengembangkan pusat-pusat pengumpulan di kawasan yang lebih strategik seperti stesen minyak serta kawasan yang mudah diakses komuniti setempat sekiranya kempen itu mendapat sambutan yang menggalakkan.

SEORANG petugas memasukkan minyak masak terpakai ke dalam mesin memproses bagi menghasilkan minyak biodiesel.

